

PUNCA-PUNCA KELEWATAN PENGELUARAN HAKMILIK TANAH  
PENEMPATAN BERKELOMPOK FELDA

MOHD AMZARI BIN MOHD ARZAMI

Laporan projek dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan ijazah  
Sarjana Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah)

Fakulti Alam Bina dan Ukur  
Universiti Teknologi Malaysia

MAC 2021

## DEDIKASI

*Tesis ini didedikasikan kepada bapa saya, Mohd Arzami bin Othman*

*“Am, bab belajaq ni, jadi pandai sikit dari Abah pun dah cukup elok dah aih “*

*dan kepada ibu saya, Rasimah binti Mohamud yang tekun mengajar saya mengira dengan biji asam jawa sambil sebelah tangannya memegang rotan di penjuru dapur rumah kuarters JKR Bentong satu ketika dulu.*

*Abah & Mak*

*Terima kasih atas setiap cinta untukku.*

## PENGHARGAAN

Pertama sekali, terima kasih tak terhitung buat isteri yang dicintai, Nur Syawallatun binti Ahmad Nor Azlan atas segala pengorbanan, kerjasama, tolak ansur, persefahaman serta toleransi sepanjang saya melanjutkan pengajian di peringkat sarjana ini. Tak terbalas jasmu dan terima kasih jua kerana banyak bersabar dengan saya. Sayang, kita akan semakin tua, tapi percayalah bagiku kaulah yang paling terindah sampai bila bila.

Buat anak-anak perempuan abah yang tersayang, Nur Azra Syafiqah dan Nur Zara Hasna, terima kasih atas selalu menemani abah sampai lewat malam dalam menyiapkan tugas serta tesis ini walaupun tak faham lagi apa itu maksud tesis. Untuk Muhammad Adam pula, terima kasih kerana selalu menjadi sumber inspirasi abah pada setiap masa.

Jutaan terima kasih juga kepada kepada Dr. Salfarina binti Samsudin sebagai supervisor tesis yang banyak memberikan input, panduan, bantuan dan tunjuk ajar sepanjang penulisan tesis ini. Terima kasih tak terhingga juga diucapkan kepada Dr. Siti Radiaton Adawiyah binti Zakaria sebagai panel 1 dalam sesi viva penulis serta membuat semakan yang teliti keatas tesis ini sekaligus membuatkan tesis ini lebih baik dan sempurna kandungannya. Tidak dilupakan juga kepada Dr. Ainur Zaireen binti Zainudin sebagai panel 2 sesi viva, semua pensyarah pensyarah UTM yang mengajar penulis sepanjang dua tahun menuntut ilmu, sahabat sekelas, dan rakan-rakan sekerja atas segala bantuan dan nasihat yang telah diberikan. Terima kasih kerana tidak mengalah dengan saya, amat memahami kesibukan saya dan tidak jemu memberikan kata-kata semangat dan motivasi kepada saya tanpa mengira masa dan ketika.

Tidak lupa jua kepada semua pihak yang telah terlibat samada secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan projek tesis dan kajian ini. Segala input, maklumat dan komitmen yang telah diberikan amatlah dihargai oleh penulis. Terima kasih yang tidak terhingga diucapkan,

Didoakan semoga Allah SWT jua yang membalas jasa baik kalian semua dengan segala kebaikan yang tidak terhingga.

## ABSTRAK

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan atau FELDA ditubuhkan pada 1 Julai 1956 di bawah Akta Kemajuan Tanah 1956. Sejak ditubuhkan, FELDA telah membuka dan membangunkan kira-kira 870,000 hektar tanah dan menempatkan 112,745 peneroka di 317 tanah rancangan. Antara matlamat FELDA adalah untuk memberikan tanah kepada para peneroka terpilih yang tidak memiliki tanah. Namun, sehingga hari ini masih terdapat lagi peneroka FELDA yang belum menerima hakmilik tanah mereka seperti yang dijanjikan. Kajian ini memberikan fokus kepada proses pengeluaran hakmilik tanah rancangan berkelompok di salah satu dari penempatan FELDA di Negeri Perak. FELDA Ijok, di daerah kecil Selama, Perak dipilih sebagai kawasan kajian kerana jumlah hakmilik tanah berkelompok FELDA yang masih belum dikeluarkan adalah yang tertinggi berbanding di kawasan rancangan FELDA di negeri Perak. Tumpuan kajian adalah kepada proses pengeluaran hakmilik tanah berkelompok FELDA Ijok dan punca yang menyebabkan kelewatan pengeluarannya. 8 responden dari agensi yang terlibat secara langsung dalam kajian ini adalah PTD Selama, PTG Perak dan pihak pengurusan FELDA dipilih untuk pengumpulan data primer kajian ini. Data-data mentah kemudian dianalisis secara deskriptif dan dipersembahkan dalam bentuk jadual, rajah dan huraian. Secara ringkasnya, hasil kajian menunjukkan terdapat 12 punca utama berlakunya kelewatan dalam pengeluaran hakmilik tanah berkelompok FELDA Ijok. Berdasarkan kepada penemuan ini, antara cadangan penambahbaikan yang dicadangkan ialah mengadakan mesyuarat pemantauan secara berkala, menetapkan tempoh masa dan sasaran kerja dalam setiap proses kerja dengan kesemua agensi terlibat, memberikan penekanan kepada latihan dan kursus berkaitan pengurusan tanah berkelompok FELDA dan meningkatkan kesedaran kepada waris peneroka berkenaan kepentingan pengurusan harta pusaka kecil. Adalah diharapkan untuk dalam masa 5 tahun mendatang, kesemua 138 hakmilik tanah berkelompok FELDA Ijok dan lebih daripada 17,000 hakmilik di kesemua tanah rancangan FELDA diseluruh negara yang masih belum dikeluarkan hakmilik dapat diselesaikan secara total hasil dari tindakan proaktif oleh semua pihak yang terlibat.

## **ABSTRACT**

Federal Land Development Authority or FELDA was established on 1 July 1956 under the Land Development Act 1956. Since its inception, FELDA has opened and developed about 870,000 hectares of land and placed 112,745 settlers in 317 FELDA's settlement around various states in Malaysia. Among FELDA's main goals is to provide land ownership title to selected settlers who do not have their own land. However, to this day there are still FELDA settlers who have not received their land ownership title as promised. FELDA Ijok, located in the district of Selama, Perak was chosen as the study area because it has the highest amount of FELDA's land ownership titles that has not been issued compared to others FELDA's settlement area in Perak. The focus of the study is on the application process of the FELDA Ijok land ownership title and it's causes of delays. 8 respondents from various agencies directly involved in this study is PTD Selama, PTG Perak and the management of FELDA are selected for the primary data collection of this study. The raw data from all respondents are analyzed descriptively and presented in the form of tables, diagrams and descriptions. In short, the results of the study show that there are 12 main causes of delays in issuing FELDA Ijok land ownership title. Based on these findings, the study proposes for improvements such as holding a regular monitoring meeting, setting deadlines in each work process with all agencies involved, emphasizing training and courses related to FELDA's land management and raising awareness to settler's heirs about the importance of the small estate distribution act. Hopefully, within the next 5 years, all 138 FELDA Ijok land ownership titles and more than 17,000 titles from various FELDA's settlement all across the country which still has not being issued can be solved and registered by proactive and improved actions from all parties involved.

## SENARAI KANDUNGAN

	TAJUK	MUKA SURAT
	<b>PENGAKUAN</b>	<b>iii</b>
	<b>DEDIKASI</b>	<b>iv</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>v</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>vi</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>vii</b>
	<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	<b>viii</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xi</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiii</b>
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xiv</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xv</b>
<b>BAB 1</b>	<b>Pengenalan</b>	<b>1</b>
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Pernyataan Masalah	5
	1.3 Matlamat Kajian	9
	1.4 Objektif Kajian	9
	1.5 Skop Kajian	9
	1.6 Kepentingan Kajian	10
	1.6.1 Pengurusan FELDA	11
	1.6.2 Peneroka FELDA dan Waris	11
	1.6.3 Pentadbiran Kerajaan Negeri	12
	1.7 Metodologi Kajian	12
	1.7.1 Peringkat Kajian Awalan	13
	1.7.2 Peringkat Kajian Literatur	13
	1.7.3 Peringkat Pengumpulan Data	13
	1.7.4 Peringkat Analisis Data	16
	1.7.5 Peringkat Kesimpulan dan Cadangan	17
	1.8 Susunatur Bab	17

<b>BAB 2</b>	<b>HAKMILIK TANAH KAWASAN PENEMPATAN BERKELOMPOK</b>	<b>19</b>
2.1	Pengenalan	19
2.2	Definisi Hakmilik Tanah	20
2.2.1	Hakmilik di Pejabat Pendaftar	22
2.2.2	Hakmilik di Pejabat Tanah	22
2.3	Jenis-jenis Hakmilik	23
2.3.1	Hakmilik Sementara	23
2.3.2	Hakmilik Tetap	24
2.4	Sistem Hakmilik Tanah Penempatan Berkelompok	24
2.4.1	Sistem Hakmilik Secara Lot	26
2.4.2	Sistem Hakmilik Secara Kumpulan	27
2.4.3	Sistem Saham Tanpa Hakmilik	28
2.5	Pemilikan Dalam Hakmilik Tanah Penempatan Berkelompok FELDA	28
2.5.1	Sebelum Terima Hakmilik	30
2.5.2	Selepas Menerima Hakmilik	30
2.6	Dasar Bayaran Kembali	31
2.7	Dasar Bayaran Consolidated Annual Charge	32
2.8	Rumusan	33
<b>BAB 3</b>	<b>HAKMILIK TANAH PENEMPATAN BERKELOMPOK DI FELDA IJOK, DAERAH KECIL SELAMA, PERAK</b>	<b>35</b>
3.1	Pengenalan	35
3.2	Latar Belakang Penempatan FELDA di Perak	36
3.3	Latar Belakang Penempatan FELDA Ijok	38
3.4	Status Hakmilik Tanah Penempatan Berkelompok Di FELDA Ijok	39
3.5	Proses Kerja Pengeluaran Hakmilik Tanah Penempatan Berkelompok Di FELDA Ijok	39
3.5.1	Urusan Bayaran BK dan CAC	40
3.5.2	Kerja Ukur Tanah	40
3.5.3	Permohonan Hakmilik	41
3.5.4	Perakuan dan Kelulusan PTD, PTG serta PBN	42

	3.5.5 Bayaran CAC	44
	3.5.6 Pengeluaran Hakmilik	45
3.6	Tempoh Masa Proses Kerja Pengeluaran Hakmilik Tanah Penempatan Berkelompok Di FELDA Ijok	48
3.7	Rumusan	50
<b>BAB 4</b>	<b>ANALISIS KAJIAN</b>	<b>53</b>
4.1	Pengenalan	53
4.2	Punca-Punca Kelewatan Pengeluaran Hakmilik Tanah Penempatan Berkelompok di FELDA Ijok	54
4.3	Rumusan	65
<b>BAB 5</b>	<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	<b>67</b>
5.1	Pengenalan	67
5.2	Penemuan Kajian	67
	5.2.1 Pencapaian Objektif Pertama	68
	5.2.2 Pencapaian Objektif Kedua	69
5.3	Cadangan Penambahbaikan Kajian	71
	5.3.1 Mengadakan Mesyuarat Pemantauan Secara Berkala Dengan Kesemua Agensi Berkepentingan	72
	5.3.2 Memberikan Perhatian Berterusan Kepada Latihan dan Kursus Berkaitan Pengurusan Tanah Penempatan Berkelompok FELDA	73
	5.3.3 Menetapkan Tempoh Masa dan Sasaran Kerja Dalam Setiap Proses Kerja Agensi	73
	5.3.4 Meningkatkan Kesedaran Kepada Waris Peneroka Berkenaan Kepentingan Pengurusan Harta Pusaka	74
5.4	Limitasi Kajian	75
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	76
5.6	Kesimpulan	76
<b>RUJUKAN</b>		<b>81</b>



## SENARAI JADUAL

<b>NO. JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Jadual 1.1	Maklumat Pemilikan Tanah Penempatan Berkelompok FELDA di Malaysia	6
Jadual 1.2	Keluasan Tanah Kawasan Penempatan Berkelompok FELDA di Negeri Perak	7
Jadual 1.3	Jumlah Pendaftaran Hakmilik Tanah Kawasan Penempatan Berkelompok FELDA di Negeri Perak sehingga Disember 2020	7
Jadual 1.4	Jumlah Hakmilik Tanah Berkelompok FELDA di Negeri Perak Yang Masih Belum Didaftarkan di Negeri Perak Mengikut Kawasan Rancangan	8
Jadual 1.5	Butiran Responden	14
Jadual 3.1	Peneroka FELDA Mengikut Kategori Umur	36
Jadual 3.2	Jumlah Hakmilik Tanah Berkelompok FELDA di Negeri Perak	37
Jadual 3.3	Tempoh Masa Perjalanan Fail Permohonan Hakmilik Tanah Penempatan Berkelompok FELDA Ijok	49
Jadual 4.1	Peringkat Proses Kerja Pengeluaran Hakmilik Tanah Penempatan Berkelompok FELDA	54
Jadual 4.2	(B1) Adakah Proses Kerja Pengeluaran Hakmilik Tanah Penempatan Berkelompok FELDA Ini Merupakan Tugas Yang Rumit	55
Jadual 4.3	(B4) Peringkat Proses Kerja Yang Menyebabkan Kelewatan Pengeluaran Hakmilik Tanah Penempatan Berkelompok FELDA	56
Jadual 4.4	(C5) Punca Kelewatan Pengeluaran Hakmilik Tanah Penempatan Berkelompok FELDA Ijok	58
Jadual 4.5	Ringkasan Punca Kelewatan Pengeluaran Hakmilik Tanah Berkelompok FELDA Ijok Serta Proses Kerja Yang Terlibat	62
Jadual 4.6	(C7) Tempoh Masa Yang Sepatutnya Diambil Oleh Semua Pihak Bermula Daripada Serahan Dokumen Permohonan Ke Pejabat Tanah Daerah Sehingga Kepada Pengeluaran Hakmilik	63



## SENARAI RAJAH

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Rajah 1.1	Maklumat Asas Kawasan Penempatan Berkelompok FELDA di Malaysia (Laporan Tahunan FELDA, 2018)	4
Rajah 1.2	Penempatan FELDA Ijok, Daerah Kecil Selama, Perak (Pejabat Pengurus Rancangan FELDA Ijok, 2020)	10
Rajah 3.1	Pintu Masuk Penempatan FELDA Ijok, Perak (Pejabat Pengurus Rancangan FELDA Ijok, 2020)	38
Rajah 3.3	Komposisi Gunatanah Penempatan Perumahan FELDA Ijok, Perak (Rancangan Tempatan Daerah Kecil Selama 2015-2030, 2016)	39
Rajah 3.4	Proses Kerja Perakuan Dan Kelulusan PTD, PTG serta PBN (Pekeliling PTG Perak 2, 1998)	44
Rajah 3.5	Proses Permohonan Pengeluaran Hakmilik Berkelompok FELDA (Fail Permohonan P.T.SEL.B/6, 2002)	47

## SENARAI SINGKATAN

PTD	-	Pejabat Tanah Daerah
PTG	-	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
FELDA	-	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
JKPTG	-	Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian
PBN	-	Pihak Berkuasa Negeri
MMK	-	Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
JUPEM	-	Universiti Teknologi Malaysia
CAC	-	Bayaran Tahunan yang Disatukan
BK	-	Bayaran Kembali
GSA	-	Akta Tanah Berkelompok 1960
KTN	-	Kanun Tanah Negara 1965
ADUN	-	Ahli Dewan Undangan Negeri
PTP	-	Peraturan Tanah Perak
SPTB	-	Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer
KPI	-	Petunjuk Prestasi Utama
INSTUN	-	Institut Tanah dan Ukur Negara

## **SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Lampiran A	Borang Temubual	85
Lampiran B	Borang AA Akta 1176	89
Lampiran C	Borang 1 Akta A1176 Pengesahan Pengurus Rancangan	90
Lampiran D	Borang A Akta GSA	93

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Pendahuluan**

FELDA telah ditubuhkan pada 1 Julai 1956 di bawah Ordinan Kemajuan Tanah 1956, yang disemak semula pada 1991 dan digantikan dengan Akta Pembangunan Tanah 1956 (Akta 474). Pada peringkat awal ini, FELDA di pertanggungjawab untuk membantu kerajaan melaksana rancangan pembangunan kawasan pendalaman dan meningkatkan status ekonomi serta taraf hidup masyarakat luar bandar. FELDA telah berperanan sebagai pengantara untuk mengurus dan menyalurkan dana Kerajaan Persekutuan kepada Rancangan Kemajuan Tanah Kerajaan Negeri bagi pelaksanaan rancangan pembangunan tanah di setiap negeri (Kertas Putih FELDA 2019). Projek pertama yang dilaksanakan ialah Rancangan Kemajuan Tanah Ayer Lanas, Kelantan pada tahun 1957. Rancangan ini meliputi kawasan seluas 1,620 hektar dengan penanaman komoditi bercampur seperti getah dan koko. Antara matlamat asal FELDA adalah seperti berikut (Laporan Tahunan FELDA 2016);

- (a) Membuka dan memajukan tanah untuk dijadikan kawasan perladangan dan penempatan terancang yang baru.
- (b) Menempatkan masyarakat luar bandar di kawasan penempatan terancang sebagai peneroka dan memberikan mereka satu pemilikan tanah dengan tujuan untuk meningkatkan taraf hidup mereka
- (c) Melaksanakan pembangunan secara bersepadu dengan mengadakan kemudahan awam dan fasiliti berkaitan untuk meninggikan taraf ekonomi peneroka

- (d) Mengadakan kemudahan pemprosesan, pemasaran, pengangkutan dan lain lain aktiviti berkaitan yang boleh memberikan pulangan optimum kepada peneroka.

Peranan dan fungsi FELDA diperkukuhkan lagi melalui Akta Tanah Kawasan Penempatan Berkelompok (GSA) 1960 yang berkuat kuasa pada 30 Mei 1960. Akta ini bertujuan memperkemas dan menyeragam pembangunan kawasan penempatan berkelompok termasuk syarat pemberimilikan tanah dan penempatan semula serta mempercepatkan pembukaan kawasan baharu secara terancang, berperingkat dan berskala ekonomi. Selaras dengan penguatkuasaan Akta tersebut, FELDA telah berjaya membuka tanah rancangan FELDA Taib Andak di Kulai, Johor pada tahun 1961. FELDA Taib Andak merupakan kawasan penanaman kelapa sawit yang pertama bagi FELDA dengan keluasan 3,385 hektar dan menempatkan 628 peneroka (Ahmad Sharifuddin Abdul Ghani 1992).

Di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan pada tahun 1970, peranan FELDA terus diperluas dengan membangunkan wilayah baharu melalui pembukaan tanah dan ladang. Di samping itu, pindaan ke atas Akta 474 dan Akta 530 turut dilaksanakan bagi memperkemas, mengukuh serta menambah fungsi utama FELDA seperti berikut (Kertas Putih FELDA 2019):

- (a) Melaksana projek pembangunan tanah
- (b) Menggalakkan dan membantu dalam penyiasatan, penggubalan dan perlaksanaan projek untuk pembangunan, penempatan semula dan pengurusan tanah di Persekutuan.
- (c) Memaju, memudahkan cara dan melaksana pembangunan, pengurusan dan perkhidmatan ekonomi, sosial, pertanian, penempatan, perindustrian dan komersial serta aktiviti sampingan lain di kawasan FELDA.
- (d) Melaksanakan kegiatan pemodenan sektor pertanian di kawasan FELDA, terutama dalam pengeluaran, pengeluaran, pembajaan, pemprosesan dan pemasaran hasil keluaran pertanian, ternakan dan perikanan air tawar.

- (e) Membantu, membimbing, memberi khidmat nasihat, mengurus dan menyelaraskan kegiatan ekonomi, sosial, penempatan, pertanian, perindustrian dan aktiviti komersial.

Sejak ditubuhkan, FELDA telah memperkenalkan model pembangunan tanah rancangan dengan membuka dan membangunkan kira-kira 870,000 hektar tanah dan menempatkan 112,745 peneroka di 317 tanah rancangan. Daripada keluasan tersebut, dianggarkan 490,000 hektar diperuntukkan kepada peneroka, 330,000 hektar untuk ladang komersial FELDA dan 50,000 hektar adalah kawasan kampung. Model pembangunan tanah ini menjadikan FELDA antara agensi pembangunan tanah terbesar di dunia dan menjadi contoh kepada negara lain. (Laporan Tahunan FELDA 2018) Maklumat asas berkenaan wilayah FELDA di Malaysia mengikut kawasan rancangan adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.1.

Pada 1 Januari 1990, Kerajaan telah membuat keputusan untuk tidak lagi melaksanakan pengambilan peneroka baru di semua tanah rancangan seluruh negara. Sehingga tempoh tersebut, FELDA telah berjaya membangunkan sebanyak 317 buah tanah rancangan yang menempatkan seramai 112,745 peneroka di seluruh negara. Tanah rancangan yang dibangunkan oleh FELDA ini telah dilengkapi dengan pelbagai kemudahan asas untuk penempatan yang lebih sempurna dan selesa (Lee Boon Thong & Tengku Shamsul Bahrin 2006). Peneroka yang terlibat dijanjikan pemberian hakmilik tanah yang tertakluk kepada Akta Tanah Kawasan Penempatan Berkelompok (GSA) 1960. Setiap peneroka akan diberikan tanah seluas 10 ekar yang merangkumi tanah ladang dan suku ekar hingga setengah ekar tapak rumah untuk didirikan rumah kediaman. Namun begitu, hakmilik ini hanya diberikan setelah peneroka berjaya melunaskan hutang bayaran kembali kepada pihak FELDA dalam tempoh 15 tahun atau berkemungkinan lebih. Dalam hal ini juga, komitmen FELDA adalah memastikan kesemua peneroka menerima hakmilik tanah dalam jangka masa dua tahun setelah hutang kepada pihak pengurusan FELDA telah selesai dilunaskan (Khamis Mat Som 2006).





terdapat peneroka asal yang telah meninggal dunia dan digantikan dengan generasi kedua atau ketiga. Oleh itu, kajian ini akan menghuraikan beberapa isu dalam konteks pemberimilikan hakmilik tanah di kawasan penempatan rancangan berkelompok, khususnya bagi rancangan tanah FELDA.

Bab pertama ini membincangkan berkaitan isu dan pernyataan masalah yang merangkumi aspek utama mengapa kajian ini perlu dijalankan. Seterusnya, bab ini juga akan menerangkan persoalan, matlamat dan objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini. Bagi tujuan mendalami aspek kajian, maka skop kajian juga turut dijelaskan pada bab ini. Selain itu, kepentingan kajian ini kepada pihak-pihak berkepentingan juga dihuraikan. Bab ini akan menjelaskan lebih lanjut berkaitan metodologi yang diguna pakai dalam melaksanakan kajian. Di akhir bab, susun atur penulisan kajian ini akan diterangkan bagi tujuan memberi gambaran awal laporan penulisan hasil penyelidikan berkenaan kajian ini.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Antara matlamat utama penubuhan FELDA adalah untuk memberikan tanah kepada para peneroka terpilih yang tidak memiliki tanah. Matlamat ini hanya tercapai sekiranya hakmilik tanah atas nama peneroka dapat dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Hakmilik yang dikeluarkan merupakan hakmilik pajakan 99 tahun. Setiap peneroka akan memperolehi satu suratan hakmilik tanah untuk tapak rumah yang berkeluasan antara 0.25 ekar hingga 0.5 ekar dan satu surat hakmilik bagi tanah pertanian seluas 10 ekar yang ditanam dengan getah atau kelapa sawit. Terdapat juga sesetengah rancangan FELDA diberi 3 suratan hakmilik iaitu 1 suratan hakmilik bagi tapak rumah, 1 suratan hakmilik bagi kebun getah atau kelapa sawit bagi keluasan 2 ekar dan 1 suratan hakmilik lagi bagi kebun getah atau kelapa sawit yang luasnya 8 hingga 10 ekar (Low Siong Khim 2007). FELDA hanya akan mengesyorkan kepada Kerajaan Negeri supaya dikeluarkan surat hak milik setelah peneroka menunaikan tanggungjawab sebagai peneroka dan selesai membayar kembali kos pembangunan kepada FELDA termasuk bayaran cukai tanah.

Namun, sehingga hari ini masih terdapat lagi peneroka FELDA yang belum menerima hakmilik tanah mengikut ketetapan sepertimana dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Mengikut Laporan Tahunan FELDA 2018, daripada 112,745 peneroka diseluruh negara, masih terdapat 17,266 peneroka yang masih belum menerima hakmilik mereka dan ini mewakili lebih kurang 15% dari jumlah keseluruhan peneroka seperti maklumat didalam jadual 1.1. Situasi ini menyebabkan mereka terpaksa menunggu untuk menerima hak milik sehingga melebihi dari tempoh yang sepatutnya.

Jadual 1.1 Maklumat Pemilikan Tanah Penempatan Berkelompok FELDA di Malaysia

<b>NEGERI</b>	<b>JUMLAH PENEROKA</b>	<b>TELAH TERIMA HAKMILIK</b>	<b>BELUM TERIMA HAKMILIK</b>
Johor	27,639	23,196	4,443
Kedah	3,185	3,185	
Kelantan	3,114	1,077	2,037
Melaka	1,330	1,330	
Negeri Sembilan	16,432	15,095	1,337
Pahang	43,126	37,987	5,139
Perak	5,920	5,429	491
Perlis	857	249	608
Sabah	1,647	776	871
Selangor	1,929	1,793	136
Terengganu	7,566	5,255	2,204
<b>JUMLAH</b>	<b>112,745</b>	<b>95,479</b>	<b>17,266</b>
<b>PERATUS %</b>	<b>100%</b>	<b>85%</b>	<b>15%</b>

Sumber: Laporan Tahunan FELDA, 2018

Di Negeri Perak, isu kelewatan pengeluaran hakmilik ini juga turut berlaku di beberapa kawasan tanah penempatan berkelompok FELDA. Merujuk kepada Jadual 1.2, terdapat 33,996.48 hektar kawasan tanah FELDA yang terdiri dari kawasan kebun dan penempatan. Kawasan penempatan FELDA di Negeri Perak pula hanyalah seluas 1.216.83 hektar dan selebihnya merupakan kawasan ladang yang diusahakan.

Jadual 1.2 Keluasan Tanah Kawasan Penempatan Berkelompok FELDA di Negeri Perak

<b>BIL</b>	<b>JENIS KELUASAN KAWASAN</b>	<b>JUMLAH KELUASAN (hektar)</b>
1.	Ladang	32,779.65
2.	Rumah	1,216.83
	<b>JUMLAH</b>	<b>33,996.48</b>

Sumber: Pejabat Pengurusan FELDA Wilayah Perak/Selangor, 2020

Namun, berdasarkan rekod dari Pejabat Pengurusan FELDA Wilayah Perak/Selangor sehingga Disember 2020, daripada sejumlah 5,920 peneroka yang mendapat tempat di Negeri Perak, masih terdapat baki 263 peneroka yang belum menerima hakmilik tanah masing-masing. Perkara ini boleh dirujuk dalam Jadual 1.3 yang disertakan.

Jadual 1.3 Jumlah Pendaftaran Hakmilik Tanah Kawasan Penempatan Berkelompok FELDA di Negeri Perak sehingga Disember 2020

	<b>HAKMILIK TELAH DITERIMA</b>	<b>HAKMILIK BELUM DITERIMA</b>	<b>JUMLAH PENEROKA</b>
HAKMILIK	5,657	263	5920
PERATUS	95.56%	4.44%	100%

Sumber: Pejabat Pengurusan FELDA Wilayah Perak dan Selangor, 2020

Seterusnya jadual 1.4 merujuk kepada pecahan hakmilik yang belum lagi di daftarkan mengikut kawasan rancangan di negeri Perak. Mereka adalah terdiri dari peneroka-peneroka di FELDA Gunung Besout 3, FELDA Gunung Besout 5, FELDA Trolak Timur dan FELDA Ijok. Mengikut rekod, FELDA Ijok, di Daerah Kecil Selama telah mencatatkan jumlah hakmilik yang belum didaftarkan paling tinggi berbanding 3 lagi kawasan FELDA lain. Kelewatan pengeluaran hakmilik bagi kawasan-kawasan yang dinyatakan dalam Jadual 1.4 ini adalah berpunca dari banyak perkara yang memerlukan perhatian lanjut dari pelbagai pihak berkepentingan. Setiap satu isu tersebut perlu ditangani dengan kadar segera agar proses pengeluaran hakmilik dapat dipercepatkan demi manfaat kepada banyak pihak termasuklah peneroka FELDA dan waris yang terlibat.

Jadual 1.4 Jumlah hakmilik Tanah Berkelompok FELDA di Negeri Perak yang masih belum didaftarkan di Negeri Perak mengikut kawasan rancangan

<b>BIL.</b>	<b>FELDA</b>	<b>JUMLAH HAK MILIK BELUM DITERIMA</b>
1.	FELDA Gunung Besout 3	61
2.	FELDA Gunung Besout 5	3
3.	FELDA Trolak Timur	61
4.	FELDA Ijok	138
	<b>JUMLAH</b>	<b>263</b>

Sumber: Pejabat Pengurusan FELDA Wilayah Perak/Selangor, 2020

Lebih merisaukan lagi, kerajaan negeri telah dijadikan sasaran seolah-olah sengaja melewati pemberian dokumen hakmilik kepada peneroka tanpa melihat secara keseluruhan peranan pihak-pihak lain yang terlibat dalam proses pengeluaran hak milik secara keseluruhan (Low Siong Khim 2007). Proses pengeluaran hakmilik tanah berkelompok FELDA perlu melalui beberapa peringkat sebelum ianya dikeluarkan. Setelah peneroka berjaya membayar semula segala hutang yang dikenakan, pengurusan FELDA akan mengesyorkan kepada PBN agar pengeluaran hakmilik dilakukan. Proses pengeluaran hakmilik ini memerlukan tempoh masa yang agak panjang kerana ia melibatkan pelbagai prosedur yang perlu dilalui dan pemeriksaan dokumen dan data-data yang rapi agar tiada sebarang masalah yang wujud selepas pendaftaran hakmilik kepada peneroka dilakukan (Sulong Ahmad 1985). Namun, perkara ini kurang diberi perhatian oleh pihak-pihak berkepentingan sehingga menyumbang kepada kelewatan pengeluaran hakmilik kepada sebahagian kecil peneroka. Perkara ini dapat dibuktikan dengan masih lagi terdapat hakmilik tanah berpenempatan kelompok FELDA yang belum dikeluarkan di negeri Perak. Malahan, isu ini bukan sahaja berlaku di Negeri Perak tetapi turut juga berlaku di kebanyakan negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia seperti Pahang, Terengganu dan Johor berdasarkan Laporan Tahunan FELDA 2018.

Daripada isu-isu yang dijelaskan, maka beberapa persoalan lanjut yang perlu diselesaikan dalam menangani permasalahan ini. Bagaimanakah proses sebenar yang perlu dilalui bagi mendapatkan hakmilik tanah di kawasan tanah penempatan berkelompok FELDA? Seterusnya juga, mengapakah isu kelewatan ini masih berlaku di beberapa kawasan FELDA sedangkan telah banyak hakmilik tanah rancangan

FELDA lain telah berjaya didaftarkan. Apakah perkara-perkara yang menjadi punca yang menghalang sebahagian lagi hakmilik tersebut dikeluarkan? Oleh itu, bagi menjawab persoalan-persoalan tersebut, maka kajian ini dijalankan bagi mengupas persoalan yang perlu dirungkai. Kajian ini akan merujuk kepada punca-punca kelewatan yang berlaku dalam proses pengeluaran hak milik tanah di kawasan FELDA Ijok, Daerah Kecil Selama, Perak.

### **1.3 Matlamat Kajian**

Matlamat kajian ini ialah mengkaji permasalahan berkenaan proses pengeluaran hakmilik tanah kawasan penempatan berkelompok FELDA bermula daripada permohonan pengeluaran hakmilik oleh pihak FELDA kepada PTD sehinggalah selesai pendaftaran dan pengeluaran hakmilik ke arah mencapai penyelesaian kepada kesemua hakmilik tanah yang masih belum dikeluarkan kepada peneroka peneroka FELDA Ijok, Daerah Kecil Selama, Perak.

### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif kajian yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- (a) Mengenalpasti proses pengeluaran hakmilik tanah penempatan berkelompok FELDA.
- (b) Mengkaji punca-punca kelewatan pengeluaran hakmilik tanah penempatan berkelompok FELDA Ijok, Daerah Kecil Selama, Perak.

### **1.5 Skop Kajian**

Skop kajian ini memberikan fokus khas kepada proses pengeluaran hakmilik tanah penempatan berkelompok di salah satu dari penempatan FELDA di Negeri Perak yang mana terdapat 138 peneroka yang masih belum menerima hakmilik mereka.

FELDA Ijok, Daerah Kecil Selama, Perak dipilih sebagai kawasan kajian kerana jumlah hakmilik tanah penempatan berkelompok FELDA yang masih belum dikeluarkan adalah yang tertinggi berbanding di kawasan rancangan FELDA lain di negeri Perak. Tumpuan kajian adalah terhad kepada proses pengeluaran hakmilik tanah berkelompok FELDA Ijok dan punca-punca yang menyebabkan kelewatan pengeluarannya. Agensi yang terlibat secara langsung dalam kajian ini adalah PTD Selama, PTG Perak, Pejabat Pengurus Rancangan FELDA Ijok dan Pejabat Pengurusan FELDA Wilayah Perak.



Rajah 1.2 Penempatan FELDA Ijok, Daerah Kecil Selama, Perak (Pejabat Pengurus Rancangan FELDA Ijok, 2020)

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Hasil kajian ini menyumbang banyak faedah kepada pihak-pihak berkepentingan seperti pihak pengurusan FELDA, pentadbiran tanah negeri yang memiliki kawasan tanah rancangan berkelompok dan juga peneroka serta generasi seterusnya yang merupakan bakal pewaris hartanah ini. Setiap pihak mempunyai kepentingan masing-masing yang mana hasil kajian ini dapat membantu dalam

melancarkan proses pengeluaran hakmilik yang dilihat sebagai bukti kejayaan peneroka FELDA dalam memenuhi matlamat dasarnya.

### **1.6.1 Pengurusan FELDA**

Dengan adanya kajian seperti ini, pihak pengurusan FELDA mampu memperbaiki kelemahan sistem pengurusan pengeluaran suratan hakmilik kepada peneroka yang telah berjaya menyelesaikan bayaran kembali. Kini FELDA telah mencapai lebih usia lebih daripada 60 tahun, namun masalah kelewatan pengeluaran hakmilik tanah berkelompok FELDA kepada peneroka masih menjadi salah satu isu yang sukar diatasi kerana pelbagai pihak terlibat dalam proses pengeluaran hakmilik seperti PTD, PTG, PBN dan tidak hanya melibatkan pihak pengurusan FELDA. Polemik isu kelewatan pengeluaran hakmilik tanah penempatan berkelompok FELDA ini bukanlah menjadi isu di peringkat rancangan FELDA Ijok semata mata. Ianya telah menjadi salah satu isu di peringkat nasional dan sering menjadi tajuk utama di dada akhbar akhbar tempatan terutamanya ketika setiap kali pilihanraya umum hampir menjelang dan semoga dengan beberapa penambahbaikan melalui kajian ini, isu kelewatan pengeluaran hakmilik tanah penempatan berkelompok FELDA mampu diatasi dan diselesaikan secara total.

### **1.6.2 Peneroka FELDA dan Waris**

Hasil daripada analisis yang dilakukan berkaitan isu kelewatan pengeluaran hakmilik tanah penempatan berkelompok FELDA ini, peneroka dan waris-waris mereka dapat memahami punca-punca berlakunya kelewatan pengeluaran hakmilik tersebut dan tidak hanya menyalahkan pihak pengurusan FELDA sahaja. Selain itu, pihak peneroka juga boleh memahami segala proses, peringkat kerja dan tindakan yang diambil oleh semua agensi yang terlibat dengan pendaftaran hakmilik tanah penempatan berkelompok FELDA ini.



### **1.6.3 Pentadbiran Kerajaan Negeri**

Kajian ini membantu pihak PTD, PTG dan PBN untuk menambahbaik prosedur dan polisi semasa agar proses pengeluaran hakmilik tanah penempatan berkelompok FELDA ini dapat dipercepatkan. Selain itu, kajian ini juga dapat membantu mencari alternatif untuk mengatasi kelemahan sistem pengeluaran hakmilik tanah berkelompok FELDA sedia ada dan meningkatkan kecekapan proses kerja dan terus kekal relevan seiring dengan perubahan semasa. Bagi pihak kerajaan negeri pula, kajian ini dapat membantu meningkatkan sistem penyampaian, kelebihan dari segi politik serta menggalakkan pertumbuhan ekonomi negeri dengan memastikan pembangunan tanah kawasan FELDA dapat dilaksanakan dengan lebih efisien dan lancar dengan pengeluaran hakmilik tanah berkenaan. Melalui kajian ini juga, agensi-agensi pembangunan yang terdiri daripada syarikat kewangan, institusi perbankan, pemaju, firma penilaian, perunding harta tanah dan sebagainya dapat memahami situasi sebenar permohonan pengeluaran hakmilik dan dapat merancang pembangunan dengan sempurna. Isu kelewatan pengeluaran hakmilik perlu ditangani dengan baik kerana sebarang masalah yang timbul hanya akan mengurangkan keyakinan rakyat terhadap kerajaan dengan mendakwa berlakunya birokrasi di kalangan agensi-agensi kerajaan terlibat.

### **1.7 Metodologi Kajian**

Proses mencapai objektif kajian yang dirangka memerlukan prosedur yang teliti bagi memastikan persoalan yang dibangkitkan dapat diselesaikan dengan menggunakan kaedah yang terbaik. Bagi tujuan tersebut, kajian ini telah menetapkan beberapa peringkat utama yang perlu dijalankan iaitu peringkat kajian awalan, peringkat kajian literatur, peringkat kajian lapangan, peringkat analisis dan yang akhir sekali iaitu peringkat penemuan kajian.

### **1.7.1 Peringkat Kajian Awalan**

Memahami isu semasa serta memperoleh bahan-bahan rujukan bersesuaian berkaitan dengan tajuk kajian melalui proses pembacaan dan pencarian. Penulis mengumpul maklumat dan data-data berkaitan melalui agensi-agensi yang terlibat serta mendapatkan bahan-bahan rujukan dan hasil kajian terdahulu untuk memperkukuhkan lagi teori-teori berkaitan. Kaedah kajian yang dijalankan dibahagikan kepada lima peringkat utama bermula daripada peringkat kajian awalan yang melibatkan peringkat pengumpulan data, kemudian peringkat kajian literatur, peringkat pengumpulan data di lapangan, peringkat analisis data, dan yang terakhir iaitu peringkat penemuan, kesimpulan dan cadangan penambahbaikan kajian. Setiap peringkat kajian ini telah didokumentasikan dengan terperinci dan diterangkan dengan jelas pada setiap bab yang terdapat di dalam kajian ini.

### **1.7.2 Peringkat Kajian Literatur**

Pada peringkat kajian literatur, dasar serta perundangan semasa berkaitan pengeluaran hakmilik tanah berkelompok FELDA akan dikaji. Antara dasar dan perundangan yang berkaitan ialah Akta GSA 1960, KTN 1965, Peraturan Tanah Perak (PTP) dan pekeliling dari agensi agensi berkaitan yang dikeluarkan dari masa ke semasa. Kajian-kajian lepas, jurnal-jurnal akademik, artikel, fail permohonan dan laporan juga akan menjadi rujukan untuk mengukuhkan lagi hasil analisis serta memastikan objektif kajian tercapai.

### **1.7.3 Peringkat Pengumpulan Data**

Sumber data primer akan diperolehi melalui kaedah temubual dalam beberapa siri pertemuan melibatkan beberapa responden yang telah dikenalpasti. Pada peringkat pengumpulan data ini, data-data yang diperolehi adalah berbentuk data primer iaitu melalui temubual secara terbuka penulis dengan beberapa pegawai yang terlibat dalam proses pengeluaran hakmilik tanah berkelompok FELDA yang terdiri daripada

pegawai tadbir FELDA Wilayah Perak, Pengurus Rancangan FELDA Ijok, pegawai pegawai dari Pejabat Tanah Daerah Kecil Selama dan Pejabat Pengarah Tanah & Galian Perak. Kaedah ini digunakan bagi mendapatkan maklumat, data dan pandangan mereka yang terlibat secara langsung dalam pengenalpastian puncapunca kelewatan pengeluaran hakmilik tanah berkelompok FELDA Ijok.

Beberapa siri pertemuan telah diatur melibatkan beberapa responden yang telah dikenalpasti terlibat dengan topik kajian ini di PTD Selama, PTG Negeri Perak, Pejabat Pengurus Rancangan FELDA Ijok dan juga di Pejabat pengurusan FELDA Wilayah Perak/Selangor di Trolak, Perak. Kaedah temubual digunakan bertujuan untuk mendapatkan maklumat secara terus berkaitan data-data yang diperlukan untuk maksud kajian ini. Seramai lapan orang responden telah ditemubual bagi tujuan ini. Butiran responden yang telah ditemubual adalah ditunjukkan seperti Jadual 1.5 berikut;

Jadual 1.5 Butiran Responden

<b>BIL</b>	<b>RESPONDEN</b>	<b>KATEGORI</b>	<b>JAWATAN / AGENSI</b>
1.	R1	PTD	Penolong Pegawai Daerah Pejabat Daerah dan Tanah Selama
2.	R2	PTD	Ketua Pembantu Tadbir Pejabat Daerah dan Tanah Selama
3.	R3	PTD	Pembantu Tadbir Pejabat Daerah dan Tanah Selama
4.	R4	PTG	Penolong Pengarah Pejabat Pengarah Tanah & Galian Perak
5.	R5	PTG	Ketua Pembantu Tadbir Pejabat Pengarah Tanah & Galian Perak
6.	R6	FELDA	Pegawai Tadbir Unit Tanah FELDA Wilayah Perak
7.	R7	FELDA	Pegawai Tadbir Unit Tanah FELDA Wilayah Perak
8.	R8	FELDA	Pengurus Rancangan FELDA Ijok, Selama Perak

Lapan orang responden yang terlibat dalam sesi temubual ini adalah terdiri daripada individu yang terlibat dan memainkan peranan secara langsung dalam proses pengeluaran hakmilik tanah berkelompok FELDA Ijok.

Satu borang temubual dengan jawapan secara terbuka telah disediakan untuk semua responden. Borang temubual ini kemudiannya diedarkan kepada semua responden yang telah dikenalpasti bagi mendapatkan maklumat yang dikehendaki untuk dianalisis. Borang temubual ini terbahagi kepada empat bahagian dan memfokuskan beberapa perincian seperti berikut;

(a) Bahagian A : Profil & Maklumat Responden

Bahagian ini merangkumi latar belakang dan maklumat asas responden yang terlibat seperti nama, agensi responden, jawatan, dan tempoh pengalaman kerja responden.

(b) Bahagian B : Proses Pengeluaran Hakmilik Tanah Penempatan Berkelompok FELDA

Bahagian B adalah berkenaan objektif pertama bagi kajian ini. Ianya mengkaji sejauh mana responden mengetahui dan memahami prosedur ,proses kerja dan garis panduan yang digunapakai serta dilaksanakan oleh agensi masing-masing dalam memproses pengeluaran hakmilik tanah penempatan berkelompok FELDA. Bahagian ini juga melihat samada proses kerja sedia ada sudah cukup baik atau masih boleh diperbaiki lagi serta menyentuh peringkat proses kerja manakah yang sering menyebabkan kelewatan pengeluaran hakmilik tanah penempatan berkelompok FELDA.

(c) Bahagian C : Punca Kelewatan Pengeluaran Hakmilik Tanah Penempatan Berkelompok FELDA

Bahagian ini melihat skop permasalahan yang menjadi objektif kedua kajian ini iaitu punca-punca kelewatan pengeluaran hakmilik tanah berkelompok di FELDA Ijok. Bahagian ini mengkaji dan bertujuan mengumpul data dan membuat rumusan tentang pandangan responden berkaitan apakah punca

punca utama yang menyebabkan kelewatan pengeluaran hakmilik ini serta melihat kaedah dan tindakan yang telah dilaksanakan untuk mempercepatkan proses pengeluaran hakmilik tanah berkelompok FELDA ini.

(d) Bahagian D : Pandangan Dan Cadangan Penambahbaikan

Bahagian ini melihat kepada pandangan dari responden terlibat berkenaan cadangan penambahbaikan, langkah yang boleh diambil oleh semua pihak dalam menangani permasalahan ini serta merupakan input asas bagi cadangan dan rumusan bab lima kajian ini. Ini adalah kerana kesemua responden yang ditemubual merupakan pihak yang terlibat secara langsung dalam proses pengeluaran hakmilik tanah penempatan berkelompok FELDA Ijok.

Data sekunder juga digunakan dalam kajian ini seperti dokumen-dokumen sokongan, pekeliling, manual kerja, fail permohonan tanah serta surat surat rasmi yang berkaitan dengan proses pengeluaran hakmilik tanah penempatan berkelompok FELDA bagi memperkukuhkan lagi analisis kajian ini seperti yang dibentangkan di dalam bab tiga kajian ini.

#### **1.7.4 Peringkat Analisis Data**

Proses menganalisis data bagi mencapai objektif kajian ini akan menggunakan kaedah deskriptif. Secara kesimpulannya, di dalam bab ini analisis dilakukan berdasarkan temubual yang dilaksanakan bersama para responden dan pada masa yang sama analisis dilakukan berpandukan kepada objektif yang telah digariskan di peringkat awal. Oleh yang demikian, bab ini mengandungi pencarian, pengumpulan data dan perbincangan terhadap data primer dan data sekunder. Data-data yang diperolehi akan dianalisa di dalam bentuk jadual, gambarajah dan pernyataan bagi memperjelaskan objektif agar dapat difahami dengan mudah dan teratur.

Data primer diperolehi menggunakan kaedah temubual melibatkan responden yang telah dikenalpasti terlibat secara langsung dalam proses pengeluaran hakmilik

## RUJUKAN

- Abdul Aziz Hassan ( 2007) *“Isu Perwarisan Tanah di Kalangan Peneroka Felda Tidak Akan Selesai Malah Akan Lebih Rumit Apabila Melibatkan Kematian Generasi Kedua”* Jurnal Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Kuala Lumpur.
- Abdul Aziz Hussin (1996) *“Undang - undang tanah : lesen pendudukan sementara dan permit”* Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Ahmad Sharifuddin Abdul Ghani (1992) *“Kajian pembangunan Felda : pencapaian FELDA dalam meninggikan taraf sosio ekonomi peneroka-peneroka di skim rancangan FELDA”* Fakulti Senibina Perancangan dan Ukur, Universiti Teknologi MARA.
- Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)
- Akta Tanah Kawasan Penempatan Berkelompok 1960 (Akta A1176)
- Asan Ali Golan Hassan (1999) *“Migrasi keluar generasi kedua: dampaknya terhadap sosio ekonomi masyarakat FELDA”* Universiti Malaya.
- Aziz, Noreen Noor Abd; Wan Haslin Aziah Wan Hassan; Nur Adilah Saud (2012) *“The Effects of Urbanization towards Social and Cultural Changes among Malaysian Settlers in the Federal Land Development Schemes (Felda), Johor Darul Takzim”* Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA.
- Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah INSTUN (2007) *“Manual Kanun tanah Negara.”* Institut Tanah dan Ukur Negara.
- Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah INSTUN (2012) *“Manual Pengenalan Kepada Akta Kawasan Tanah Berkelompok 1960.”* Institut Tanah dan Ukur Negara.
- Ibrahim Alias (2005) *“Keberkesanan pengeluaran hakmilik kekal berdasarkan pindaan Kanun Tanah Negara 1965 (AKTA A1104)”* Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan (2009) Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 11/2009 - Pemakaian Peruntukan Undang-undang Bagi Menyelesaikan Isu Pembatalan Sekatan

- Kepentingan Bagi Hakmilik Tanah Di Bawah Akta Tanah (Kawasan Berkelompok) 1960
- Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan (2009). Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 12/2009 - Pengeluaran Surat Kuasa Tadbir (Letter of Administration) Di Bawah Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 Bagi Hakmilik dan Daftar Pegangan Di Bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960
- Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan (2009). Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 42/2009 - Garis Panduan Pemakaian Seksyen 14, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) (Pindaan) 2002 Bagi Menguruskan Permohonan Untuk Memasukkan Pemegang Bersama (Co-holder) Di Atas Pegangan Desa (Rural Holding)
- Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan (2017). Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 8/2017 - Pembatalan Kawasan Penempatan Berkelompok Di Bawah Seksyen 44(1) Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 [Akta 530]
- Juliahah Jamaludin (2003) *“Pengurusan Ladang Oleh FELDA Plantations Sdn. Bhd. Kajian Kes: Ladang Kelapa Sawit, Gugusan Selancar, Wilayah Johor”*. Fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi, Universiti Teknologi Malaysia.
- Kanun Tanah Negara 1965
- Kertas Perintah No 6 Tahun 2019 Dewan Rakyat (2019) *“Kertas Putih ke Arah Kelestarian Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)”*
- Khamis Mat Som (2006) *“Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 & Pembangunan Masyarakat FELDA”* Jurnal INSTUN, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, Institut Tanah Negara.
- Lee Boon Thong and Tengku Shamsul Bahrin (2006) *“Felda’s Fifty Years: Land Pioneer to Investor”* Wisma FELDA, Kuala Lumpur.
- Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (2017) *“Laporan Tahunan FELDA 2016”*
- Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (2018) *“Laporan Tahunan FELDA 2017”*
- Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (2019) *“Laporan Tahunan FELDA 2018”*
- Low Siow Khim (2007) *“Hakmilik Tanah GSA FELDA Dan Isu Kelewatan Pengeluarannya. Kajian Kes: Tanah Rancangan FELDA di Johor”* Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah, Universiti Teknologi Malaysia.

- Mohd Yassin bin Mohd Yusuf (2010) *“Pentadbiran Harta Pusaka GSA Dalam Sistem Pentadbiran Tanah Negara Dan Bagi Tanah Felda”* Fakulti Kejuruteraan Dan Sains Geoinformasi, Universiti Teknologi Malaysia.
- Pejabat Daerah dan Tanah Selama (2020) *“Fail Permohonan Tanah Penempatan Berkelompok FELDA Ijok P.T.SEL.B/6/2002”*
- Peraturan Tanah Perak 1966 (Pindaan 2016)
- Rokiah Talib (1992) *“Pembangunan tanah: Strategi FELDA untuk perubahan.”* Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Saifuldin Aziz @Abdul Aziz (2009) *“Kekangan Dalam Perwarisan Tanah Pusaka FELDA Di Bawah Akta (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960. Kajian Kes Di Felda Soeharto, Daerah Hulu Selangor, Selangor”* Fakulti Pentadbiran dan Pembangunan Tanah, Universiti Teknologi Malaysia.
- Sharifah Junaidah Syed Mohamed (2007) *“Pembahagian Harta Pusaka Peneroka Felda”* Fakulti Pentadbiran dan Pembangunan Tanah, Universiti Teknologi Malaysia.
- Simeh, Arif & Tengku Ahmad, Tengku Mohd. Ariff (2001) *“The Case Study on the Malaysian Palm Oil”* Bengkel Serantau UNCTAD/ESCAP, Bangkok.
- Sulong Ahmad (1985) *“Petempatan FELDA, Perspektif Perancangan Bandar dan Desa”* Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Tuan Haji Khamis bin Mat Som (2003) *“Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 & Pembangunan Masyarakat Felda.”* Seminar Pentadbiran & Perundangan Tanah Pentadbir Tanah Malaysia.
- Undang Undang Tubuh Negeri Perak (2016) Percetakan Zainon Kassim Sdn Bhd.